




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **160 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **59,664 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu satu (1) di daerah Kunak dan satu (1) di daerah Sandakan. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 68 menjadikan jumlah kumulatif 58,499 orang. Seramai 566 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 268 orang di hospital dan 298 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 41 orang dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Keningau berubah dari zon jingga ke zon kuning, daerah Kinabatangan bertukar dari zon jingga ke zon merah, manakala daerah Kuala Penyu bertukar dari zon hijau ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 10 daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Hijau tujuh (7) daerah

Terdapat tiga (3) kluster baharu direkodkan hari ini.

- i **Kluster Kolopis di Penampang** mencatat jumlah terkini sebanyak 13 kes positif COVID-19. Kes indeks merupakan pesara lelaki yang dikesan positif RTK-Ag 80% hasil saringan bergejala di Klinik Kesihatan Penampang pada 04 Mei 2021. Punca perebakan berkemungkinan besar berlaku pada sebuah majlis *marriage blessing* pada 28 April 2021. Setakat hari ini, 30 kontak rapat telah disaring dan aktiviti mengenalpasti punca jangkitan masih giat di jalankan di lapangan.
- ii **Kluster Pagar Sg Imam di Tawau** berlaku ekoran aktiviti kunjung-mengunjung semasa sambutan aidilfitri. Kes indeks adalah lelaki, 53, yang dikesan positif pada 15 Mei 2021 setelah mengalami gejala. Susulan kes itu, saringan kontak dijalankan terhadap ahli keluarga kes indeks yang tinggal di lokaliti terbabit melibatkan empat buah rumah dengan jumlah isi rumah seramai 43 orang. Daripada 70 orang yang disaring, didapati 26 orang disahkan positif COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif bagi kluster ini ialah 27 kes. Penyebaran jangkitan dipercayai melalui kucupan dan bersalamans. Aktiviti pengesanan kontak dan siasatan punca penularan jangkitan sedang dijalankan secara aktif.
- iii **Kluster Muhibbah Dua di Lahad Datu** mula dikesan pada 16 April 2021 melalui saringan bergejala ke atas kes indeks iaitu lelaki, warganegara, 47, di sebuah klinik swasta. Hasil pengesanan secara aktif dan saringan terhadap 22 ahli keluarga dan kontak rapat, 13 lagi kes disahkan positif menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 14 kes. Berdasarkan rekod pergerakan, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan ketika melakukan rentas daerah ke Tawau selama dua hari bermula 07 April 2021 atas urusan peribadi. Selain itu, kes indeks turut menghadiri aktiviti berbuka puasa dan sambutan aidilfitri di rumah mertua (Kg Muhibbah) bersama ahli keluarga yang lain. Semua 14 kes positif COVID-19 dalam kluster ini telah dirujuk ke Hospital Lahad Datu untuk rawatan lanjut dan pengasingan di PKRC Lahad Datu. Di samping itu, kontak-kontak rapat juga diarahkan menjalani kuarantin di pusat kuarantin PPR Sri Sepagaya, Lahad Datu.

- 6 Daripada 160 kes positif COVID-19, sebanyak 70 kes (43.8%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 23 kes (14.4%) saringan bergejala, 62 kes (38.8%) dari kluster baharu sedia ada serta lima (5) kes (3%) dari lain-lain kategori.
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,899 unit
- Hospital 569 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 14.52%.

B PANDUAN KEBENARAN MASUK KE SABAH DARIPADA SEMENANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN

Panduan kebenaran masuk ke Sabah daripada Semenanjung Malaysia, Sarawak dan WP Labuan seperti di **LAMPIRAN A**.

C PENAMATAN PKPD SMK MADAI, KUNAK

- 1 Kerajaan Negeri sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di SMK Madai, Kunak yang dijadualkan tamat pada 28 Mei 2021.
- 2 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 895 ujian saringan dan 45 daripadanya didapati positif COVID-19.
- 3 Walau bagaimanapun, KKM mengesahkan baki kes aktif di lokaliti ini menunjukkan *trend* penurunan serta tiada lagi sampel saringan yang sedang menunggu keputusan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD di SMK Madai, Kunak pada 20 Mei 2021 lebih awal daripada tarikh yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **18** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,367** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **24** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,633** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **2,763** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **36,327** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **1,540** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **7,736** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 2,315 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **495,294** (mysejahtera 434,546 : laman web 60,507 : talian vaksinasi 241) bersamaan 16.9%.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **321,781** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 51 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 25,338 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 32 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 61 hebah melalui kereta peronda dengan lapan (8) tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak 14 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- Empat (4) orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul
 - Sembilan (9) orang : Tiada penjarakan sosial
 - Satu (1) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 104 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 35 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 347 lokasi melibatkan seramai 239 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 62 anggota di 52 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan enam (6) buah daerah iaitu di daerah Sandakan, Kinabatangan, Semporna, Kota Marudu, Tawau dan Kota Kinabalu.
- 7 Sejumlah 22 hebahan awam dibawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 142 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beaufort	98%
2	Tenom	98%
3	Sipitang	98%
4	Beluran	98%
5	Kota Marudu	98%
6	Kudat	98%
7	Ranau	98%
8	Kunak	97.5%
9	Kinabatangan	97.5%
10	Keningau	97.5%
11	Lahad Datu	97.5%
12	Tuaran	97%
13	Kota Kinabalu	97%
14	Penampang	97%
15	Kota Belud	97%
16	Semporna	97%
17	Papar	97%
18	Sandakan	97%
19	Tawau	96.5%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

19 MEI 2021

LAMPIRAN A

PKPB

PANDUAN KEBENARAN MASUK KE SABAH DARIPADA SEMENANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN BERKUATKUASA 20 MEI 2021 – 7 JUN 2021 (11:59 malam) *

Bil.	Kategori	Sub-Kategori	DIBENARKAN MASUK				
1	Warganegara	(a) Berasal daripada negeri Sabah	Pemegang MyKad kod "H"				
		(b) Isteri / suami kepada rakyat Sabah dan tanggungan	<ul style="list-style-type: none"> i. Memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah; atau ii. Bukti perkahwinan; iii. Sijil lahir anak/tanggungan 				
		(c) Bekerja di Negeri Sabah <ul style="list-style-type: none"> 1. Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan lantikan tetap / kontrak / interim / badan berkanun 2. Pekerja sektor swasta 3. Tanggungan 	<ul style="list-style-type: none"> i. HENDAKLAH memiliki dokumen sokongan yang sah dan terkini daripada majikan (Letterhead, Nama, No. MyKad, Jawatan). ii. Tanggungan (Suami / Isteri / Anak) HENDAKLAH membuktikan talian perhubungan. <p>* Pihak Imigresen akan menyemak kesahihan dokumen sokongan semasa pemeriksaan imigresen. Dokumen yang tidak sah atau tidak teratur akan dirujuk ke Kerajaan Negeri Sabah untuk pertimbangan kemasukan.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 5px;"> PERHATIAN Semua warganegara yang bukan berasal dari negeri Sabah WAJIB memiliki Cop Seksyen atau Pas Kerja Malaysia yang sah tempoh bagi tujuan bekerja di negeri ini. Bagi individu yang BELUM memiliki Cop Seksyen atau Pas Kerja Malaysia, HENDAKLAH mengemukakan permohonan Cop Seksyen atau Pas Kerja Malaysia dengan SEGERA di Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah, setelah masuk ke Sabah. </div> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan lantikan tetap</td> <td style="padding: 2px;">WAJIB memiliki cop Seksyen 66(1)(d) Akta Imigresen 1959/63 yang sah tempoh</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Tanggungan kepada Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan</td> <td style="padding: 2px;">WAJIB Memiliki cop Seksyen 66(2) atau Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (Sabah) yang sah tempoh</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan lantikan kontrak / interim / badan berkanun / sektor swasta.</td> <td style="padding: 2px;">WAJIB memiliki Pas Kerja Malaysia sah tempoh</td> </tr> </table>	Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan lantikan tetap	WAJIB memiliki cop Seksyen 66(1)(d) Akta Imigresen 1959/63 yang sah tempoh	Tanggungan kepada Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan	WAJIB Memiliki cop Seksyen 66(2) atau Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (Sabah) yang sah tempoh
Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan lantikan tetap	WAJIB memiliki cop Seksyen 66(1)(d) Akta Imigresen 1959/63 yang sah tempoh						
Tanggungan kepada Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan	WAJIB Memiliki cop Seksyen 66(2) atau Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (Sabah) yang sah tempoh						
Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan lantikan kontrak / interim / badan berkanun / sektor swasta.	WAJIB memiliki Pas Kerja Malaysia sah tempoh						
(d) Hadir ke mesyuarat dan urusan rasmi (Kerajaan & Swasta)	HENDAKLAH membuktikan dokumen-dokumen jemputan mesyuarat / urusan rasmi yang sah dan terkini. <ul style="list-style-type: none"> • Surat (letterhead) jemputan daripada agensi Kerajaan Negeri Sabah / Persekutuan - (Nama, No. MyKad, Jawatan); atau • Surat (letterhead) jemputan daripada syarikat di negeri Sabah - (Nama, No. MyKad, Jawatan) <p>* Pihak Imigresen akan menyemak kesahihan dokumen sokongan semasa pemeriksaan imigresen. Dokumen yang tidak sah atau tidak teratur akan dirujuk ke Kerajaan Negeri Sabah untuk pertimbangan kemasukan.</p>						
(e) <ul style="list-style-type: none"> 1. Pelajar sedia ada & baharu IPTA / IPTS di negeri Sabah termasuk penjaga 2. Pelajar di semua sekolah dan institusi pengajian di negeri Sabah termasuk penjaga 	HENDAKLAH mengemukakan surat / dokumen pengesahan pelajar daripada sekolah / institusi di negeri Sabah. <ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar IPTA / IPTS tawaran baharu di Sabah. Dengan menunjukkan salinan Surat Tawaran Belajar daripada institusi masing-masing. ii. Memiliki kad pelajar / dokumen pengesahan pelajar daripada sekolah / institusi di negeri Sabah. iii. Ibu / bapa kepada pelajar. Dengan menunjukkan bukti talian perhubungan. iv. Penjaga / pengiring kepada pelajar adalah tidak melebihi daripada dua (2) orang sahaja. Dengan menunjukkan dokumen pengesahan / perakuan daripada ibu bapa / institusi pengajian pelajar tersebut. 						
(f) Pengangkutan darat (Transporter) melalui jalan darat daripada Sarawak & Labuan	HENDAKLAH mengemukakan surat / dokumen pengesahan bekerja daripada majikan kepada pegawai Imigresen di pintu-pintu masuk negeri Sabah.						
(g) Kecemasan atau Review di hospital	<ul style="list-style-type: none"> i. HENDAKLAH membuktikan dokumen-dokumen sokongan daripada hospital. ii. Tanggungan (Suami / Isteri / Anak) membuktikan perhubungan atau Penjaga membuktikan dokumen sokongan daripada hospital. 						



PEJABAT HAL EHWAH DALAM NEGERI DAN PENYELIDIKAN
JABATAN KETUA MENTERI

Kemas kini pada: 19 Mei 2021_v1

Muka surat : 1 / 3

PKPB**PANDUAN KEBENARAN MASUK KE SABAH DARIPADA SEMENANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN BERKUATKUASA 20 MEI 2021 – 7 JUN 2021 (11:59 malam)***

Bil.	Kategori	Sub-Kategori	DIBENARKAN MASUK
1	Warganegara	(h) Sekatan sementara kemasukan dari negara: <ul style="list-style-type: none"> i. India; Perancis; Amerika Syarikat; Afrika; dan Brazil. ii. Bangladesh; Nepal; Pakistan; dan Sri Lanka. Kenyataan Media YAB Ketua Menteri Sabah – 27 April 2021 & 2 Mei 2021	<p>Individu yang memulakan perjalanan daripada negara-negara yang disekat sementara:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Warganegara Malaysia (rakyat Sabah – prefix "H"); dan ii. Kru kapal warganegara Malaysia bagi tujuan "sign-off" – yang mempunyai sejarah perjalanan dari negara-negara yang disekat sementara dalam tempoh 14 hari. <p>* WAJIB menjalani perintah kuarantin 14 hari di pusat kuarantin yang diwartakan dan atas tanggungan kos sendiri.</p>
		(i) Bernikah	<p>KELULUSAN KHAS KERAJAAN NEGERI SABAH DIPERLUKAN UNTUK MASUK KE NEGERI SABAH Beragama Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pasangan lelaki / perempuan – membuktikan dokumen Kebenaran Kahwin dikeluarkan oleh JHEAINS ii. Wali – 1 orang (pihak perempuan sahaja) iii. 2 orang wakil sahaja daripada pihak lelaki / perempuan <p>Bukan Beragama Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pasangan lelaki / perempuan – membuktikan dokumen sokongan (ie. KC35) dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ii. 2 orang wakil sahaja daripada pihak lelaki / perempuan <p>* Individu yang gagal membuktikan dokumen sokongan dikeluarkan oleh JHEAINS atau JPN adalah TIDAK DIBENARKAN masuk.</p>

Nota:

1. Kategori yang tidak dibenarkan masuk termasuk kemasukan bagi tujuan bernikah/ berkahwin **hendaklah** mengemukakan permohonan kepada Jabatan Ketua Menteri melalui Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan untuk **pertimbangan** Kelulusan Khas.
Sila layari: <https://hednp.sabah.gov.my/>

2. Semua kemasukan ke negeri Sabah adalah tertakluk kepada SOP sedia ada:
 - i. Mendapat kebenaran PDRM untuk merentas negeri; dan
 - ii. Keputusan NEGATIF Covid-19 test (PCR) dalam tempoh tiga (3) hari sebelum perjalanan.

* Perubahan tempoh berkuatkuasa adalah tertakluk dengan arahan-arahan dan SOP semasa.



PKPB**PANDUAN KEBENARAN MASUK KE SABAH DARIPADA SEMENANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN BERKUATKUASA 20 MEI 2021 – 7 JUN 2021 (11:59 malam)***

BIL.	Kategori	Sub-Kategori	DIBENARKAN MASUK	TIDAK DIBENARKAN MASUK
2	Bukan Warganegara	(a) Sekatan sementara kemasukan dari negara: <ul style="list-style-type: none"> i. India; Perancis; Amerika Syarikat; Afrika; dan Brazil. ii. Bangladesh; Nepal; Pakistan; dan Sri Lanka. Kenyataan Media YAB Ketua Menteri Sabah – 27 April 2021 & 2 Mei 2021	Individu yang memulakan perjalanan daripada negara-negara yang disekat sementara: <ul style="list-style-type: none"> i. Pemastautin Tetap (PR) Sabah; ii. Pemegang Pas Pasangan kepada warganegara Malaysia (rakyat Sabah – prefix "H"); dan iii. Pekerja Perkhidmatan Penting (setelah mendapat Kelulusan Khas masuk daripada Kerajaan Negeri Sabah) <ul style="list-style-type: none"> a) Memiliki Pas Kerja Sabah dan Pas Tanggungan yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah; atau b) Mendapat kelulusan permohonan baharu Pas Kerja Sabah daripada Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah. <p>* WAJIB menjalani perintah kuarantin 14 hari di pusat kuarantin yang diwartakan dan atas tanggungan kos sendiri.</p>	i. SEMUA INDIVIDU dari negara-negara yang disekat sementara; ii. Kru kapal bukan warganegara bagi tujuan "sign-off" – yang mempunyai sejarah perjalanan dari negara-negara yang disekat sementara dalam tempoh 14 hari.
		(b) Isteri / suami kepada rakyat Sabah dan tanggungan	i. Memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah; atau ii. Bukti perkahwinan; iii. Sijil lahir anak/ tanggungan	
		(c) Pemastautin Tetap Sabah	Memiliki MyPR kod "H" / Kad Permit Masuk / Endosmen Permit Masuk dalam Pasport	
		(d) <ul style="list-style-type: none"> i. Pemegang Pas Kerja dan tanggungan ii. Pelajar di institusi-institusi negeri Sabah 	Memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah	• TIDAK memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.
		(e) Pas Sementara <ul style="list-style-type: none"> i. MyKAS Sabah ii. IMM13 Sabah 	i. Pas Sementara hendaklah sah tempoh; dan ii. Tempoh perjalanan dinyatakan di dalam Surat Kemudahan Berlepas oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah hendaklah sah tempoh.	i. Pas Sementara tamat tempoh; dan ii. Tempoh perjalanan dalam Surat Kemudahan Berlepas tamat tempoh.

Nota:

- Kategori yang tidak dibenarkan masuk termasuk kemasukan bagi tujuan bnikah/ berkahwin **hendaklah** mengemukakan permohonan kepada Jabatan Ketua Menteri melalui Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan untuk **pertimbangan** Kelulusan Khas.
Silai layar: <https://hednp.sabah.gov.my/>
- Semua kemasukan ke negeri Sabah adalah tertakluk kepada SOP sedia ada:
 - Mendapat kebenaran PDRM untuk merentas negeri; dan
 - Keputusan NEGATIF Covid-19 test (PCR) dalam tempoh tiga (3) hari sebelum perjalanan.

* Perubahan tempoh berkuatkuasa adalah tertakluk dengan arahan-arahan dan SOP semasa.

